



Mengenali budaya komuniti Murut

► Ekspedisi mahasiswa UMS ke Tenom bersama Kelab Pacuan Empat Roda WRS



UB 5.11.2016 B1

SERAMAI 38 ahli rombongan yang terdiri daripada pelajar program Pembangunan Belia dan Komuniti Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta 4-Wheel Drive Club WRS telah mengadakan ekspedisi ke Kg Rundum Tenom, baru-baru ini. Ekspedisi selama tiga hari itu menyasarkan golongan belia dan pelajar sekolah rendah sebagai peserta program.

Meskipun terpaksa merentasi perjalanan penuh mencabar selama hampir tujuh jam, ia tidak mematahkan semangat para pelajar UMS untuk terus berkongsi motivasi bersama golongan sasar.

Menurut Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FPP Dr Getrude Cosmas, antara aktiviti yang dijalankan ialah perkongsian akademik, diskusi kelompok, sukaneka, *hiking* dan malam kebudayaan.

“Semasa dalam diskusi kelompok, pelajar program HA16 yang bertindak sebagai fasilitator sempat memberikan kata-kata motivasi dan perkongsian ilmu dengan para peserta program yang terdiri daripada pelajar SK Rundum,” katanya.

Tambah beliau, program ekspedisi ke Kg Rundum itu merupakan kesinambungan daripada program Ekspedisi Belia ke Kg Buayan, Crocker Range yang telah diadakan pada tahun 2014.

Manakala pengarah program, Irich Joumi berkata program seumpama itu dapat membantu menerapkan semangat sukarelawan dalam kalangan pelajar program HA16 dan meningkatkan kemahiran seperti kerjasama dalam kumpulan, kepemimpinan, kawalan emosi dan interpersonal.

“Menerusi program ini juga, para pelajar juga dapat mengenali budaya seperti tarian, bahasa dan kehidupan komuniti Murut,” katanya.

Rombongan turut berpeluang mengadakan aktiviti riadah ke air terjun di Kg Rundum bersama dengan pelajar sekolah dan ahli WRS.

SEKITAR aktiviti

di Kg Rundum

Tenom.

